

**ULASAN BUKU: ISMAIL ALI DAN SINGGIH TRI SULISTIYONO. (2021).
LAUT DAN DINAMIKA MASYARAKAT NUSANTARA JILID 1.
SEMARANG: CENTER FOR ASIAN STUDIES. HLM. 258
ISBN 978-623-93022-5-2**

MOSLI TARSAT

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah,

Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah

Corresponding author: mosli@ums.edu.my

Tarikh dihantar: 2/11/2021 / Tarikh diterima: 7/12/2021 / Tarikh terbit: 22/12/2022

DOI: <https://doi.org/10.51200/ejk.v28i1.4198>

Buku berjudul *Laut dan Dinamika Masyarakat Nusantara Jilid 1* yang ditulis oleh Ismail Ali dan Singgih Tri Sulistiyono merupakan sebuah buku ilmiah yang membicarakan secara mendalam persoalan historiografi sejarah maritim di Asia Tenggara khususnya Indonesia-Malaysia. Tujuan buku ini ditulis adalah untuk memaparkan betapa pentingnya laut dan perkaitannya dengan masyarakat Nusantara sehingga keduanya tidak boleh dipisahkan. Perkara ini dibuktikan melalui catatan sejarah menyatakan bahawa masyarakat Nusantara melihat laut sebagai sumber inspirasi untuk mencapai kejayaan. Mereka telah berjaya mengharungi laut atau lautan dan mewarisi pelbagai ilmu kelautan sehingga muncul kerajaan-kerajaan maritim di Asia Tenggara. Walau bagaimanapun, penulis bukan sahaja memaparkan pasang surut kerajaan-kerajaan maritim masa lalu tetapi juga menekankan kewajaran melihat dari persektif sejarah. Buku ini juga mengetengahkan gagasan-gagasan baru dan aplikatif misalnya hala tuju penulisan historiografi maritim Indonesia-Malaysia, bermula dari keberadaan kerajaan maritim sehinggalah kepada memertabatkan semula historiografi maritim di Kepulauan Asia Tenggara. Terdapat empat isu utama yang dirungkai secara mendalam berkaitan dengan sejarah maritim, iaitu pertama isu kajian hala tuju historiografi maritim di Nusantara, kedua peranan laut sebagai faktor perjalanan sejarah masyarakat Indonesia di kawasan Laut Jawa, ketiga isu penguasaan ruang laut semasa ada di peringkat domestik mahupun antarabangsa dan keempat dinamika manfaat ruang laut dengan negara-negara tetangga. Semua isu ini dibahaskan dan dianalisis secara komprehensif serta menggunakan pembuktian melalui catatan-catatan sejarah yang jelas.

Buku ini mengandungi tujuh bab utama yang disusun mengikut tematik, bab satu adalah pendahuluan yang banyak menjelaskan tentang konsep dan istilah kelautan, maritim, samudera, bahari, bidang-bidang penelitian

sejarah maritim dan kepentingan laut atau lautan di Asia Tenggara. Untuk melengkapkan kefahaman hubungan laut dan manusia ditonjolkan oleh penulis mengenai sejarah kegemilangan Nusantara dengan berdirinya kerajaan-kerajaan maritim yang berlangsung dari abad pertama hingga abad ke-15M seperti Funan, Koying, Kantoli, Sriwijaya dan Majapahit. Bab dua berjudul *Kingdom of the Sea: Menggagas Historiografi Maritim untuk Indonesia*, membahaskan perkembangan historiografi maritim Indonesia dan prospek mendepani cabaran-cabaran maritim pada masa akan datang. Penulis mengakui bahawa kajian mengenai sejarah kemaritiman masih terbatas jika dibandingkan dengan kajian sejarah yang berpaksikan kepada tanah daratan seperti sejarah politik, sejarah perdesaan dan sebagainya. Dalam bab ini dijelaskan tujuh sejarawan terkenal yang melakukan penelitian sejarah maritim Indonesia seperti Annales, Fernand Braudel, Sutjipto, Anthony Reid, James Waren, A.B. Lopian, Gusti Asnan, Singgih Tri Sulistiyono dan lain-lain lagi. Bab tiga berjudul *Laut Jawa sebagai Faktor Integratif Wilayah Indonesia: Sebuah Refleksi Historis tentang Periode Kolonial Belanda* pula memfokuskan perbincangan mengenai Indonesia sebagai sistem laut dan mengkhusus kepada peranan Laut Jawa sebagai potensi ekonomi yang sangat penting di Indonesia. Penulis mendapati bahawa akibat dari perkembangan dunia pelayaran dan perdagangan di kawasan Laut Jawa telah terjadi pola regional dalam proses integrasi ekonomi dalam bidang ini dan memajukan empat pelabuhan utama iaitu Makassar, Batavia, Surabaya dan Singapura. Bab empat berjudul *National Interest and International Pressure: Decolonization on the Law of the Sea in the Post-Independence Indonesia* membahaskan tentang kepentingan nasional dan tekanan antarabangsa terhadap hukum laut semasa pasca kemerdekaan di Indonesia. Perbincangan ini merangkumi undang-undang laut semasa kerajaan kolonial Belanda dan selepasnya, konflik dan tindak balas antarabangsa, pengisytiharan Djunda 13 Disember 1957 dan UNCLOS. Bab lima berjudul *Contest for Peripheries: Java-Singapore Rivalry and the pattern in development of Inter-Island shipping in Indonesia until the early Day of the new order* membincangkan persaingan pelabuhan Jawa-Singapura dan corak pembangunan perkapalan antara pulau di Indonesia sehingga awal pemerintahan baharu (*new order*). Penulis mendapati bahawa persaingan antara Jawa dan Singapura semakin memuncak apabila Sukarno melancarkan perintah “Ganyang Malaysia”. Namun, peralihan kuasa daripada Sukarno kepada Suharto (dari orde lama

kepada orde baru) juga memberikan perubahan dasar berkaitan hubungan antara Indonesia dan Singapura. Bab enam berjudul *Reinventing of Maritime Culture and the Reconceptualization of Maritime State of Indonesia* meneliti mengenai penciptaan semula budaya maritim dan rekonseptualisasi negara maritim Indonesia. Dalam bab ini persoalan besar yang ditimbulkan ialah isu bagaimana Indonesia menjadi sebuah negara maritim? Penelitian berfokus kepada sejarah kegemilangan Nusantara dan zaman keemasan perdagangan di rantau ini sehinggalah zaman kolonial yang menenggalamkan budaya maritim. Penulis menyimpulkan bahawa fakta geografi dan pengalaman sejarah telah menunjukkan bahawa Indonesia mempunyai “historical destiny” sebagai sebuah negara maritim yang dimalapkan oleh Penjajahan Barat. Oleh itu, generasi sekarang dan masa depan wajar melengkapkan negara ini sebagai negara maritim yang hebat pada masa hadapan sesuai dengan jati diri bangsa Indonesia. Bab tujuh berjudul memartabatkan semula historiografi maritim Kepulauan Asia Tenggara juga membahaskan penelitian dan penulisan sejarah maritim di Kepulauan Asia Tenggara dari pelbagai sudut pandang tokoh-tokoh sarjana seperti Hall, Van Leur, Ingram, Walters, Clifford, Adas, Murry, Lopian, Mohammad, Shahril dan lain-lain lagi. Penulis menyarankan bahawa kewajaran penelitian semula sejarah maritim dari perspektif masa kini kerana atas kepentingan negara bangsa dan pengalaman sejarah lalu yang jelas memaparkan zaman keagungan Nusantara menguasai laut sama ada kuasa politik dan kuasa ekonomi di rantau ini.

Apa yang menjadi kekuatan buku ini ialah pertamanya dari segi pemikiran penulis dalam mengolah dan menginterpretasi pengistilahan dan fakta-fakta sejarah itu sendiri. Hal ini kelihatan dalam membahaskan sikap dan pendekatan kajian serajawan itu. Misalnya, perkara asas pertama yang disebutkan oleh penulis ialah mengenai pemikiran seorang serajawan yang kritis dalam membuat interpretasi terhadap fakta-fakta sejarah. Kritis yang ditimbulkan adalah berhubung kait dengan cara melihat sesuatu peristiwa atau kejadian masa lalu. Maksudnya, serajawan tidak hanya membina persoalan “apa”, “di mana”, “bila”, “bagaimana” dan “siapa” yang terlibat dalam peristiwa itu, tetapi sewajarnya menimbulkan persoalan “mengapa” kisah sejarah itu terjadi. Inilah perkara penting supaya kajian yang dilakukan itu bukan sahaja di atas permukaan tetapi berada di bawah permukaan yang tidak dapat dilihat oleh mata kasar. Penulis juga seolah-olah mengkritik penulisan

sejarah maritim menggunakan pendekatan struktural yang dikembangkan oleh sejarawan Annales dan Fernand Braudel. Pendekatan ini juga didukung oleh Lapien, Sutjipto, Singgih dan lain-lain lagi. Penulis menyatakan bahawa “pendekatan struktural akan menghasilkan kutub yang lain yang menghasilkan analisis sejarah yang kering dengan dinamika manusia sebagai aktor sejarah”(Ismail, Singgih, 2021: xv). Dalam hal ini, penulis menekankan supaya kajian sejarah maritim sebaik-baiknya menggunakan pendekatan strukturalis Christopher Lloyd, yakni berpandukan kepada gabungan dua aspek iaitu peranan individu dan struktur sosial sebagai kerangka yang memiliki pengaruh terhadap individu dalam hubungan “dualisme simbiotik”. Penulis juga turut menjelaskan hubungan antara lingkungan fisik dan geografi dengan dinamika masyarakat di kawasan ini. Hubungan ini terbukti melalui perjalanan sejarah orang Nusantara yang banyak ditentukan oleh faktor-faktor lingkungan alam yang dominan iaitu keberadaan laut dan perairan. Dengan hubungan ini, penulis menyatakan bahawa orang Nusantara bukan merupakan objek yang pasif. Misalnya, sekitar 3000 SM hingga 2000 SM beberapa kelompok pindah dari Taiwan ke pulau-pulau Indonesia bahagian barat dan semenanjung Melayu sehingga sampai ke Madagaskar di pantai Afrika Timur.

Keduanya, walaupun telah banyak penelitian dan penulisan mengenai zaman kegemilangan kerajaan-kerajaan maritim di Nusantara yang dicatatkan dalam naratif besar sejarah maritim seperti tulisan Warren (1981), Walters (1979), Tarling (1963), Reid (1983, 1993 dan 2000), Sather (1997), Reber (1966), Majul (1978), Lapien (2009 dan 2011), Hall (1988) dan Forrest (1969), tetapi penulisan tersebut hanya bergerak dalam normatif sahaja sehingga tidak menimbulkan kesan mendalam terhadap hubungan kejayaan kerajaan maritim dengan dinamika masyarakat Nusantara. Kehadiran buku ini agak berbeza kerana bukan sahaja memperlihatkan sejarah maritim masa lalu sebagai ilmu pengetahuan yang amat bernilai tetapi mengetengahkan semula kegemilangan itu dari perspektif masa kini dan cabaran-cabaran maritim pada masa akan datang. Ini selari dengan apa yang sering diungkapkan oleh Sam Wineburg, “Memetakan masa depan, mengajar masa lalu” (Wineburg, 2006). Misalnya, kejayaan Kerajaan Sriwijaya tidak boleh hanya dipandang sebagai informasi atau lintasan sejarah yang sunyi, tetapi wajar meneliti naratif-naratif ini dalam membangun emporium maritim yang memiliki kuasa besar dan keperluan strategik yang matang dalam konteks kini. Perkara ini dibahaskan secara teliti

oleh penulis dalam bab dua buku ini yang melihat dari sejarah maritim awal ke sejarah maritim kontemporari. Penulis mengatakan, “salah satu persoalan besar yang sedang dihadapi oleh bangsa Indonesia saat ini adalah keberlangsungan Indonesia itu sendiri, yaitu apakah Indonesia dalam wujudnya yang seperti sekarang ini dapat dipertahankan di masa yang akan datang” (Ismail & Singgih, 2021:53). Inilah antara persoalan besar yang mendasari segenap bangsa negara ini apakah masih ingin melangsungkan kehidupan bersama sebuah negara atau tidak, misalnya seperti gerakan politik dan gerakan bersenjata untuk memisahkan diri dari Negara Kesatuan Republik Indonesia sebagaimana yang terjadi di Maluku dan Papua. Untuk merungkai persoalan ini, penulis menggunakan sejarah maritim untuk menjelaskannya. Apa yang menarik hasil penjelasan ini dihubungkan kait antara faktor sejarah maritim dengan keberadaan bangsa Indonesia dalam mempertahankan kedaulatan dan keselamatan perairan negara. Penulis menganjurkan bahawa secara geografi Indonesia merupakan kawasan kepulauan terbesar di dunia yang dihuni oleh pelbagai kelompok etnik yang selama berabad-abad telah menggunakan laut sebagai medium untuk berkomunikasi. Bermaksud, sejarah maritim akan menjadi wahana untuk membangkitkan kesedaran mengenai proses-proses sejarah sehinggalah terbentuknya negara Indonesia. Sejarah maritim juga sangat sesuai untuk dijadikan sebagai medium sosialisasi dan pembudayaan nilai-nilai budaya bahari sebagai landasan untuk membangunkan negara bahari pada masa akan datang. Komunikasi lintas budaya juga turut ditekankan yang menjadi dasar bagi proses integrasi di dalam kalangan masyarakat Indonesia hasil daripada pengalaman sejarah maritim yang terbentuk pada masa lalu.

Ketiga, buku ini juga berjaya membahaskan mengapa perlu memartabatkan semula histrografi maritim kepulauan Asia Tenggara sepertimana yang terdapat dalam bab tujuh. Persoalan yang ditimbulkan ialah pertama kebergantungan sumber penulisan kepada dokumen-dokumen kolonial seperti rekod pelayar, pedagang, pegawai dan pendakwah Barat semata-mata terutamanya semasa zaman tradisional sehingga sebelum tercetusnya Perang Dunia Kedua. Misalnya, seorang pelayar dan pedagang Inggeris yang terkenal iaitu Alexander Dalrymple semasa belayar dari Pulau Balambangan ke Jolo di Laut Sulu telah terserempak dengan kumpulan suku Bajau sedang melakukan penyelaman dan pemungutan mutiara dan pemerhatian tersebut dimasukkan dalam buku catatannya. Dalam hal ini,

penulis menyatakan bahawa gambaran, laporan dan catatan Barat sebenarnya adalah berasaskan kepada pengamatan dan pertimbangan spontan dari perspektif dunia Barat dan kepentingan kolonial, bukannya dari perspektif rantau ini. Selepas tamatnya Perang Dunia Kedua terutamanya tahun 60-an dan 70-an barulah menampakkan perubahan dalam penulisan semula sejarah Asia Tenggara. Bermaksud, penelitian dan penulisan yang dilakukan oleh sarjana Barat dan tempatan tidak lagi dikongkong oleh sumber Barat dan rekod-rekod kolonial tetapi mula menyelongkar rekod peribumi sendiri. Perubahan ini memberi kesan yang besar terutamanya dalam menentukan hala tuju penulisan sejarah maritim dan secara tidak langsung dapat meluruskan kembali fakta-fakta sejarah dalam mewajahkan semula sejarah dari perspektif tempatan itu sendiri. Di Malaysia, kepincangan penulisan sejarah telah dibangkitkan oleh Mohammad dan Shahril (1995) supaya kesedaran melakukan penelitian semula sejarah maritim di rantau ini dari perspektif *Asian Centric* dan *scholarship of scholars* dari pelbagai pendekatan, ruang dan tema.

Keempat, buku ini juga didapati menggunakan sumber sejarah yang kuat dalam memaparkan penemuan baharu, fakta-fakta baharu dan juga kesahihan fakta sejarah. Sumber tersebut terbahagi kepada tiga kategori iaitu sumber primer (arkib), sumber sekunder (buku dan artikel dalam jurnal) dan sumber surat khabar dan internet. Penulis mengemukakan sumber arkib sebanyak 60 bahan yang terdiri daripada laporan Kerajaan Belanda, surat kerajaan, mikrofilem dan rekod kerajaan, manakala sumber sekunder pula dianggarkan sebanyak 208 buah yang terdiri daripada buku dan artikel dalam jurnal serta sepuluh bahan daripada sumber surat khabar dan internet. Berdasarkan sumber ini jelas menunjukkan bahawa buku ini menggunakan pelbagai sumber sejarah yang menjadi kekuatan dalam penelitian dan penghuraian terhadap sesuatu peristiwa yang berlaku. Misalnya, terdapat banyak sumber Belanda yang digunakan sebagai sumber primer buku ini antaranya, "*Nederlandsche Handel-Maatschappij: Verslag van den Sub-agent te Makassar over het jaar 1881, in Nederlandsche Handel-Maatschappij 1825-1964, Inv. 5111, ARA, Den Haag.*" *Missive de Hoofdagent der KPM (Op Ten Noort) aan den Raad van Bestuur de KPM te Amsterdam, 7 Juli 1891, in Archieven van KPM/KJCP, Inv. Nr. 80, ARA, The Hague* dan lain-lain lagi sepertimana yang dipaparkan dalam bibliografi buku ini. Perkara ini amat penting kerana hala tuju penulisan sejarah itu bergantung dengan sumber

sejarah yang digunakan, sekiranya sumber itu tidak memadai sudah pasti penulisan itu tidak dapat dilakukan dengan baik.

Walau bagaimanapun, buku ini kelihatan sebahagian besarnya memfokuskan perbincangan sejarah maritim di Indonesia, sedangkan subjek penelitian itu adalah laut dan masyarakat Nusantara. Hal ini terbukti dalam senarai tajuk isi kandungannya, daripada tujuh bab yang ditetapkan lima bab adalah sejarah maritim Indonesia. Sepanjang penulisan buku ini hala tuju penelitian lebih menitikberatkan sejarah maritim Indonesia yang sangat ketara. Misalnya, kegemilangan kerajaan Majapahit dan Sriwijaya, peranan dan kepentingan Laut Jawa, Undang-undang Laut Indonesia, Persaingan pelabuhan Jawa-Singapura, sosiobudaya maritim Indonesia dan sebagainya. Kalau dilihat lingkungan kawasan Nusantara itu seperti yang dinyatakan oleh penulis "...mencakupi sebagian besar wilayah modern Indonesia (Sumatra, Kalimantan, Nusa Tenggara, sebagian Sulawesi dan pulau-pulau di sekitarnya, sebagian Maluku dan Papua Barat) ditambah wilayah Malaysia, Singapura, Brunei dan Filipina Selatan"(Ismail & Singgih, 2021:xvii). Bermaksud masyarakat Nusantara itu bukan sahaja tertumpu di Pulau Jawa tetapi juga di luar pulau tersebut barulah menghasilkan satu penelitian yang menyeluruh terhadap masyarakat Nusantara. Namun, idea dan kerangka penelitian memang sangat baik dan mudah difahami oleh pembaca. Barangkali jilid 1 ini adalah himpunan penulisan sejarah maritim Indonesia dan pasti ada jilid 2 yang mungkin melihat sejarah maritim di Malaysia, Singapura, selatan Filipina, Brunei dalam konteks negara bangsa yang termasuk dalam masyarakat Nusantara. Secara keseluruhannya, buku ini mengkaji secara mendalam bagaimana akrabnya hubungan di antara laut atau lautan dengan masyarakat Nusantara tradisional sehingga berjaya mewujudkan sebuah peradaban maritim yang cukup disegani pada waktu itu khususnya di kepulauan Asia Tenggara.